

Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar Sekolah Menengah Di Seremban Negeri Sembilan

Muhamad Zaki Zainuddin^{1*}, Suariza @ Hidayah
Muhammad²

¹Unit Syariah, Kolej Tingkatan Enam Forest Heights Seremban, 70100
Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

² Institut Dakwah Antarabangsa PERKIM (IDIP-KL), Jalan Ipoh, 51200
Kuala Lumpur, Malaysia

Pengarang Penghubung
zakizayyan2020@gmail.com*, suariza@perkim.net.my

Received: 24 August 2022

Accepted: 27 February 2023

Online First: 1 April 2023

ABSTRAK

Akidah merupakan satu ikatan keyakinan dan kepercayaan yang kukuh antara makhluk dan Pencipta. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan akidah pelajar. Pengetahuan akidah pelajar dalam kajian ini adalah berkaitan dengan persoalan rukun iman yang merupakan asas pegangan umat Islam. Kajian tinjauan ini dilakukan secara dalam talian di 15 buah sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan dan melibatkan 352 orang pelajar. Instrumen soal selidik dibina melalui proses adaptasi daripada kajian-kajian lepas. Penganalisan data dilakukan menggunakan analisis statistik deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai menggunakan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah pelajar berada pada tahap sangat tinggi dengan skor min 4.84. Hasil kajian ini diharap dapat memberi input dan inspirasi kepada guru pendidikan Islam (GPI) supaya memaksimumkan penggunaan teknologi terkini dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran akidah. Aktiviti-aktiviti sokongan akademik juga perlu dipelbagaikan untuk meningkatkan penghayatan akidah dalam kalangan pelajar dalam usaha untuk menjernihkan pemikiran remaja daripada fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam sekali gus sebagai langkah pencegahan gejala murtad secara sembunyi-sembunyi mahu pun secara terang-terangan di dalam negara.

Kata kunci: Akidah, Fahaman Liberal, Murtad

Secondary School Students' Level of Faith in Seremban Negeri Sembilan

ABSTRACT

Faith is a strong bond of belief and trust between the creature and the Creator. The purpose of this study was to examine the level of knowledge of students' beliefs. The knowledge of students' beliefs in this study is related to the question of the pillars of faith which is the basis of the beliefs of Muslims. The survey study was administered online in 19 secondary schools in Seremban, Negeri Sembilan and involved 352 students. The questionnaire instrument was constructed through an adaptation process from previous studies. Data analysis was performed using descriptive statistical analysis using mean and standard deviation using SPSS software. The findings of the study showed that the level of knowledge of students' beliefs was at a high level with a mean score of 4.84. The results of this study are expected to provide input and inspiration to teachers of Islamic education (GPI) to maximize the use of the latest technology in the teaching and learning process for the subject of faith. Academic support activities should also be diversified to increase the appreciation of the faith among students in an effort to clear the minds of adolescents from ideologies that are contrary to the Islamic faith as well as a measure to prevent apostasy secretly or openly in the country.

Keywords: Apostasy, Belief, Liberal Understanding

PENGENALAN

Remaja didefinisikan sebagai golongan muda yang masih memerlukan perlindungan, didikan dan bimbingan daripada individu yang signifikan dalam kehidupan mereka dan berumur dalam lingkungan 13 hingga 18 tahun (Bahori & Ismail, 2018). Usia remaja 13 tahun hingga awal 20-an adalah tahap peralihan dalam kehidupan remaja untuk berdikari dan membentuk identiti mereka. Dalam fasa ini perubahan diri remaja yang kritikal dari segi mental dan fizikal sehingga menimbulkan tekanan dan rasa ingin memberontak. Menurut Al Zbon dan Smadi (2017), remaja adalah mereka yang masih mencari identiti diri dan memerlukan kasih sayang yang berterusan daripada keluarga. Biasanya, dalam proses mencari identiti mereka sendiri, remaja terdedah kepada gejala anti sosial, seperti seks bebas, penyalahgunaan alkohol/dadah, samseng atau isu buli, yang mungkin merosakkan masa depan mereka (Sivabalan & Ibrahim, 2018).

Remaja merupakan generasi pelapis dan modal insan semulajadi sesebuah negara pada masa akan datang yang menentukan watak serta identiti sesebuah negara bangsa (Mohd Hussain et al., 2019). Usaha membentuk golongan remaja berkualiti mestilah dilakukan sebaik-baiknya dan secara berterusan. Malaysia memerlukan golongan muda yang memiliki pakej yang lengkap iaitu cemerlang dan berketerampilan dalam aspek akademik, kemahiran insaniah, sahsiah dan jati diri untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi negara (Shaffie & Md Ali, 2009). Impian ini sukar dicapai sekiranya remaja negara ini terjebak dengan tingkah laku negatif dan permasalahan akhlak yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan prinsip agama Islam. Elemen rohani perlu diberikan penekanan dalam pembinaan diri remaja untuk mewujudkan masyarakat madani yang maju dari segi ilmu dan teknologi tanpa meminggirkan nilai adab dan kemanusiaan.

Remaja hari ini amat mesra dengan media sosial. Dapatan kajian pada tahun 2021 menunjukkan terdapat 21 juta pengguna media sosial di Malaysia dengan pertumbuhan dua juta pengguna dari tahun 2020 hingga 2021. Di samping itu, terdapat sekitar 26 juta pengguna aktif media sosial yang mewakili 86% penduduk di Malaysia dan sejumlah 16.7% adalah dalam kalangan remaja yang berusia 13 hingga 17 tahun dengan melayari media sosial terutamanya Facebook dan diikuti oleh Instagram dengan kerap setiap hari (Zakiyuddin, 2021).

Akibat daripada ketagihan yang melampau terhadap aplikasi media sosial ini, generasi Z yang lahir pada 1998 hingga 2009 (Tapscott, 2008) ini sering berada di ruang siber dan sentiasa berhubung dengan setiap pelosok dunia tanpa sempadan dan batasan. Oleh itu, remaja lebih terdedah kepada elemen-elemen negatif yang boleh mengundang kepada gejala sosial (Mohd Mansor et al., 2021; Md Sham et al., 2020) kerana 35.3% remaja di Malaysia terdedah kepada pornografi yang mudah diakses melalui internet, telefon pintar dan cakera padat atau cakera padat digital (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), 2021). Dapatan kajian Azizan et al. (2022) mengesahkan penggunaan media sosial yang tidak terkawal serta pemilihan idola atau ikon yang kurang tepat (instafamous, youtuber) menyumbang kepada peningkatan kes salah laku remaja.

Pelbagai jenis salah laku jenayah yang membabitkan harta benda atau jiwa manusia berlaku dalam masyarakat yang melibatkan golongan remaja di luar kawasan sekolah. Jenayah yang dilakukan bukan sahaja membahayakan diri remaja itu sendiri malah turut mengancam orang lain di sekelilingnya. Berdasarkan statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks yang dilaporkan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

(IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, sejumlah 31,258 orang remaja yang berumur 13 hingga 18 tahun terlibat dengan kes juvana yang melibatkan kes jenayah harta benda dan jenayah kekerasan di seluruh Malaysia bagi tahun 2016 hingga 2020. Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, sejumlah 21,735 kes atau 69.5% adalah pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) 2021).

Di samping itu, terdasarkan data statistik yang dikeluarkan oleh Sektor Perancangan dan Pengoperasian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berkaitan jumlah pelajar sekolah menengah yang melakukan salah laku disiplin mengikut daerah di Negeri Sembilan bagi tahun 2017 hingga 2020 menunjukkan sejumlah 20,272 orang pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan terlibat dengan pelbagai salah laku disiplin. Pelajar berbangsa Melayu menyumbang 26.78% atau seramai 5,429 orang pelajar daripada keseluruhan statistik tersebut. Sumber data diperolehi daripada sistem Sahsia Diri Murid (SSDM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Melihat kepada permasalahan yang melanda remaja Islam di Malaysia pada hari ini, kajian semasa meluahkan kebimbangan bahawa remaja sebagai pemangkin kemajuan negara Malaysia pada masa hadapan tidak dapat memimpin negara mengikut acuan agama dan ajaran Islam yang sebaiknya. Perkara ini perlu dibendung sebelum ia menjadi lebih serius dan mempengaruhi ramai lagi remaja Islam di Malaysia. Ini kerana pelajar yang sedang dalam fasa remaja dan meningkat dewasa merupakan fasa kehidupan di mana sifat ingin tahu dalam diri mereka adalah sangat tinggi sehingga mendorong remaja untuk mencuba pelbagai perkara baru (Pa'ad et al., 2020). Malah, mereka sering dikatakan berusaha untuk memberontak demi sebuah idea mengenai kebebasan dan keseronokan hidup (Hasan Ashaari et al., 2021).

Oleh itu, usaha untuk membersihkan akidah remaja daripada fahaman yang salah sehingga menjejaskan pengamalan ibadah dan akhlak remaja perlu dilihat sebagai awlawiyyat atau keutamaan yang memerlukan perhatian dari semua pihak termasuklah mereka yang terlibat dengan dunia pendidikan khususnya pendidikan Islam. Pendidikan Islam perlu diterapkan secara bersepadu yang merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Kematangan intelek, sosial, emosi, jasmani dan rohani pelajar boleh diseimbangkan melalui kurikulum pendidikan yang bersistematik dan bersifat holistik. Objektif ini ditekankan dalam kurikulum pendidikan Islam melalui pendidikan akidah, ibadah dan akhlak dan dipacu dengan kredibiliti dan kreativiti guru-guru pendidikan Islam. Aspirasi dalam pendidikan Islam yang memberi penekanan kepada aspek kerohanian, jika berjaya direalisasikan

berupaya untuk melahirkan generasi muda yang mempraktikkan pengetahuan Islam yang dipelajari sebagai satu cara hidup, mampu menentukan kemenjadian remaja sebagai modal insan yang holistik dan berdaya saing dan mengekang penglibatan remaja dalam salah laku jenayah.

Pengetahuan akidah adalah signifikan dalam kajian ini kerana akidah memiliki keistimewaan tersendiri kerana Rasulullah SAW telah memilih pendidikan akidah sebagai modul asas dan utama dalam tempoh 13 tahun pertama dakwah baginda di Mekah (Ibnu Hisham, 1955). Selain itu, melalui pemantapan pengetahuan pendidikan akidah juga dilihat sebagai kaedah paling tepat dan berkesan untuk membantu mengembalikan kepercayaan seseorang yang memohon keluar Islam melalui kaedah istitabah iaitu membimbing melalui khidmat kaunseling akidah supaya bertaubat dan membatalkan hasrat mereka untuk keluar Islam dan kembali semula taat kepada Allah SWT (Ismail et al., 2018; Dimon et al., 2018).

Kaedah kaunseling dan nasihat akidah yang dipraktikkan di Negeri Sembilan bukan bermakna membuka pintu untuk keluar Islam, tetapi mengambil tanggungjawab mengurus tadbir dengan baik dan boleh dijadikan contoh seperti diperuntukkan mengikut Seksyen 119 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 (Pindaan 2009) (Ismail, 2018).

Banyak kajian terdahulu membincangkan pendidikan akidah namun kajian yang dijalankan di dalam negara lebih berfokus kepada aspek kurikulum, pedagogi pengajaran dan pembelajaran akidah seperti kajian Othman (2019), Ali (2019), Othman dan Kassim (2016), Ismail (2015) dan Kassim (2011). Di samping itu, terdapat kajian berkaitan penghayatan akidah seperti kajian Ali dan Yahya (2018) dan Mohd. Salleh (2015). Selain itu, terdapat juga kajian tentang tahap kefahaman dan penghayatan akidah serta hubungannya dengan masalah akhlak serta disiplin pelajar sekolah menengah seperti kajian Noor Johari (2019), Abd Rahman (2018), Abdullah (2015) dan Ismail (2009). Kajian kefahaman dan penghayatan akidah ini dilaksanakan di Kelantan, Terengganu Kedah, Perak, Selangor, Melaka dan Johor. Namun, kajian tentang akidah masih kurang dijalankan di Negeri Sembilan khususnya kajian tentang penilaian tahap pengetahuan akidah pelajar sekolah menengah.

Justeru, kepentingan kajian ini adalah memberi kesedaran kepada seluruh umat Islam tentang kepentingan pendidikan akidah. Hal ini adalah kerana manusia diciptakan untuk mentaati dan beribadah kepada Allah SWT Oleh itu, pendidikan akidah yang berdasarkan kepada kepercayaan dan keyakinan yang kukuh kepada Allah SWT adalah penting agar umat Islam dapat dididik untuk melaksanakan ajaran Islam secara menyeluruh. Malah, pengetahuan akidah juga adalah penting sebagai bekalan ilmu dalam menghadapi cabaran semasa dalam

hal ehwal agama termasuklah cabaran menghadapi Islam liberal dan cabaran modenisasi yang meragut kebanyakan masa umat Islam yang digunakan untuk mengejar materialistik dunia berbanding keredhaan akhirat.

SOROTAN LITERATUR

Ancaman fahaman liberalisme terhadap remaja Islam

Menurut Musa dan Shah (2020) dan Md Sham (2018) dengan kepantasan teknologi media sosial terkini, fahaman yang bertentangan dengan akidah Islam seperti liberalisme, sekularisme, athies dan agnostik mudah disasarkan kepada remaja. Pengaruh Islam liberal harus digeruni kerana dilihat sebagai faktor utama kepada kerosakan akidah umat Islam. Mereka menyebarkan fitnah bahawa Islam merupakan agama yang inklusif dan terbuka, serta menerima agama lain sama taraf dengan agama Islam (Ashaari et al., 2020). Bahkan mereka juga berani mengubahsuai dan mencabul agama mengikut kehendak dan citarasa mereka yang tersendiri (Ismail & Hassan, 2021).

Oleh itu, remaja kian condong kepada pemikiran tidak beragama hasil daripada golongan liberal yang memperjuangkan konsep kebebasan beragama dan kebebasan individu, walaupun majoriti remaja berpengetahuan agama yang tinggi dan memahami isu hak kebebasan beragama (Abd Rahman, 2018; Jamaluddin & Abdul Majid, 2013; Hassim 2014; Daud et al., 2016). Remaja cenderung untuk hidup bebas tanpa dikawal oleh mana-mana undang-undang agama dan ingin melakukan apa sahaja yang diimpikan asalkan sesuai dengan tuntutan nafsu mereka.

Ancaman kelompok Melayu Murtad terhadap remaja Islam

Remaja juga adalah sasaran utama kumpulan yang berfahaman sekularisme untuk dikelirukan akidahnya sehingga mencetuskan gejala murtad sebagai matlamat akhir perjuangan mereka (Mohd Salleh et al., 2021). Direkodkan, dari tahun 1999-2003 terdapat 750 kes permohonan pertukaran nama daripada Islam kepada bukan Islam di Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia (Adil, 2006). Manakala sejumlah 863 kes permohonan pengisytiharan status agama Islam didaftarkan di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia daripada tahun 2000 hingga 2010 (Tajul Ariffin, 2013).

Dalam konteks Negeri Sembilan pula, berdasarkan statistik berakhir 2011 menurut sumber Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan juga menerima 172 kes permohonan untuk menukar status agama Islam dari tahun 2000 hingga 2010 (Muhammad et al., 2018). Manakala sebanyak 217 kes permohonan pengisytiharan status agama Islam didaftarkan

di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan sepanjang tahun 2010 hingga 2020 dengan purata satu permohonan keluar Islam dibuat pada setiap bulan (Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, 2021).

Kegusaran umat Islam dek gejala murtad ini kian bertambah dengan kemunculan kelompok Melayu Kristian di Malaysia yang merahsiakan anutan baru mereka dan berpura-pura seolah-olah masih beragama Islam sehingga menyukarkan kita untuk mengenali bahawa mereka telah murtad. Mereka merahsiakan pemurtadan mereka daripada pengetahuan sesiapa termasuk ibu bapa. Mereka langsung tidak menunjukkan tanda-tanda atau memiliki sebarang simbol yang mengesahkan pemurtadan. Pendekatan gerakan dalaman agenda kristianisasi ini berjaya memenangi hati orang Melayu Islam melalui modus operandi Kristian tanpa gereja (Churchless Christianity). Mereka tidak perlu hadir ke gereja untuk melakukan sebarang aktiviti keagamaan, malah perlu menjaga pegangan dan keimanan Kristian sambil berpura-pura menzahirkan keislaman (Majlis Agama Islam Selangor, 2014).

Sorotan kajian Cheong (2012) menonjolkan strategi penyamaran mereka seperti tidak mempamerkan lambang salib di rumah, tidak menyediakan bahan bacaan Kristian di ruang tamu rumah, tidak melakukan aktiviti keagamaan di khalayak ramai, masih mempamerkan kehidupan sebagai seorang muslim secara berkala seperti turut serta dalam ibadah korban, bersolat di masjid, berpuasa dan meraikan Aidil Fitri bersama-sama keluarga sehingga kaum keluarga dan sahabat handai yang bertandang ke rumah tidak mengesyaki apa-apa perbezaan. Oleh itu, ibu bapa Melayu Kristian langsung tidak berupaya mengesyaki bahawa anak mereka telah murtad. Malah, pihak gereja tidak akan menuntut jenazah Melayu Kristian yang meninggal dunia. Mereka membiarkan keluarga Islam simati menguruskan jenazah secara Islam bagi menutup rahsia pemurtadan.

Kajian Zain (2013) dan Mohd Yusof et al. (2012) bersetuju meletakkan faktor kejahilan tentang akidah atau lemah pegangan akidah dan kurang pendidikan agama sebagai salah satu faktor utama murtad. Kajian ini disahkan dengan dapatan kajian Mohamed & Sciupac (2018). Disamping itu juga, terdapat persamaan dari segi faktor pemurtadan dalam kalangan muallaf iaitu faktor kejahilan hakikat ketuhanan dan kedangkalan ilmu tentang akidah Islam (Yaacob & Hanafiah, 2020; Kassim et al., 2017; Muhammad, 2016). Ini membuktikan faktor kelemahan pengetahuan akidah adalah merupakan salah satu faktor utama berlakunya gejala murtad tanpa mengira status muslim asal mahupun golongan muallaf. Oleh itu, sebagai langkah proaktif, kajian terhadap tahap pengetahuan akidah terhadap pelajar yang masih bersekolah di sekolah menengah perlu dilakukan sebagai langkah pencegahan gejala murtad secara sembunyi-sembunyi mahu pun secara terang-terangan di dalam negara.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Dalam konteks kajian ini, maklumat yang dikutip bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akidah pelajar sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 352 orang responden daripada 4,174 orang populasi kajian. Peserta kajian terdiri daripada pelajar Islam tingkatan empat yang sedang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM SPM di daerah Seremban, Negeri Sembilan yang telah dipilih secara rawak mudah.

Seremban dipilih sebagai lokasi kajian kerana masih kurang kajian tentang pengetahuan akidah pelajar sekolah menengah dijalankan di Seremban, Negeri Sembilan. Di samping itu, keunikan daerah Seremban yang berstatus bandar raya yang sudah pastinya mempunyai pelbagai kemudahan yang mungkin memberi kesan terhadap pelajar di daerah tersebut. Kedudukan daerah Seremban yang bersebelahan negeri Selangor sebagai negeri termaju di Malaysia juga dilihat mampu memberi impak terhadap gaya hidup dan sosial pelajar di Seremban, Negeri Sembilan. Selain itu, bandar Seremban mempunyai masyarakat majmuk yang rencam, memiliki subjek dan data yang mampu menjawab persoalan serta tujuan kajian.

Hanya pelajar Islam yang berada di tingkatan empat yang mengikuti mata pelajaran Pendidikan Islam KSSM di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) harian di daerah Seremban, Negeri Sembilan sahaja dilibatkan dalam kajian ini. Pelajar tingkatan empat aliran Kelas Aliran Agama (KAA) tidak dilibatkan dalam kajian ini. Mereka dipilih sebagai sampel kajian kerana lebih berkelayakan untuk dinilai tahap pengetahuan akidah mereka setelah melalui proses pembelajaran pendidikan Islam dan pendidikan KAFA (Kursus Asas Fardhu Ain) secara formal selama 10 tahun daripada pra sekolah sehingga tingkatan tiga.

Bilangan sampel dalam kajian ini ditentukan secara saintifik dengan menggunakan kalkulator Raosoft (2004) dan juga telah melepasi jumlah sampel seperti yang digariskan oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 351 orang. Kajian ini ditadbir secara dalam talian menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan konstruk pengetahuan akidah. Soal selidik kajian ini mengandungi 16 item. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS yang melibatkan dapatan deskriptif untuk pengetahuan akidah pelajar.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar

Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif untuk menentukan tahap pengetahuan akidah melalui penilaian skor min, sisihan piawai dan interpretasi min. Jadual 1 di bawah ialah paparan nilai min bagi setiap item dan diklasifikasikan kepada kepada lima tahap seperti berikut:

Jadual 1: Penilaian skor min likert lima mata

Skor min	Interpretasi Tahap
4.30 - 5.00	Sangat tinggi (ST)
3.50 – 4.29	Tinggi (T)
2.70 – 3.49	Sederhana (S)
1.90 – 2.69	Rendah (R)
1.00 – 1.89	Sangat Rendah (SR)

Sumber: Izani dan Yahya, 2014

Jadual 2 di bawah ialah paparan tahap pengetahuan akidah pelajar melalui hasil keputusan analisis deskriptif dengan keputusan skor min dan interperasinya.

Jadual 2: Nilai min dan sisihan piawai tahap pengetahuan akidah pelajar

Pengetahuan akidah	<i>m</i>	<i>SD</i>	Tahap
Beriman kepada Allah SWT	4.89	.178	Sangat tinggi
Beriman kepada Hari Akhirat	4.79	.292	Sangat tinggi
Keseluruhan	4.84	.184	Sangat tinggi

m mean, *I SD* standard deviation

Keputusan analisis statistik tahap pengetahuan akidah pelajar adalah sangat tinggi. Ini kerana apabila analisis terhadap semua item dalam bahagian ini dilakukan, hasil yang diperolehi menunjukkan interpretasi skor min pada tahap sangat tinggi (min = 4.84, SP = 0.184). Ini bermakna secara keseluruhannya, tahap pengetahuan akidah pelajar adalah sangat tinggi.

Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akidah pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Terdapat dua dimensi yang digunakan iaitu beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada Hari Akhirat yang diukur menggunakan skor min. Setiap satu dimensi mempunyai lapan jenis konstruk untuk mengujinya.

Kajian in hanya mengkaji tahap pengetahuan akidah Islam daripada aspek rukun iman iaitu beriman kepada Allah dan hari akhirat sahaja. Pengkaji memilih aspek beriman kepada Allah dan hari akhirat kerana hubungan yang rapat antara beriman kepada Allah dan hari akhirat. Tambahan pula, terdapat 21 ayat di dalam al-Quran yang menggandingkan beriman kepada Allah dan hari akhirat. Semua perkataan beriman kepada hari akhirat disebut sejeurus selepas perkataan beriman kepada Allah SWT ('Abd al-Baqi, 1981; Lafzi Android, 2021).

Dua rukun iman ini mewakili semua rukun iman yang lain. Walaupun, terdapat rukun iman yang lain tapi disebut dua sahaja yang utama sebagai mewakili iman yang lain. Menurut Hamka, iman kepada Allah dan hari akhirat menjadi pendorong untuk berbuat kebaikan (Bahrisy, 2021). Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji hanya mengukur tahap pengetahuan akidah pelajar melalui tahap pengetahuan terhadap rukun iman kepada Allah SWT dan Hari Akhirat sebagai mewakili semua rukun iman yang lain.

Hasil analisis kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan akidah bagi pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan bagi kedua-dua dimensi beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada Hari Akhirat adalah sangat tinggi. Berdasarkan kajian, pengetahuan akidah pelajar yang sangat tinggi direkodkan bagi kesemua item yang dikaji. Mereka mempunyai pengetahuan yang sangat tinggi mengenai kewujudan Allah SWT, pengetahuan tidak terbatas Allah SWT mengenai semua yang kita lakukan, sifat Allah SWT yang Maha Esa, dan sifat-sifat-Nya yang tidak menyerupai sifat makhluk ciptaan-Nya. Selain itu, pelajar-pelajar tersebut juga menunjukkan tahap pengetahuan yang tinggi dari segi pengetahuan mengenai Allah SWT yang mendengar rintihan hamba-Nya walaupun melalui luahan hati, Allah SWT tidak melahirkan dan dilahirkan, dan manusia boleh mengenal Allah SWT melalui cara berfikir mengenai penciptaan manusia dan alam, serta tidak mungkin manusia sebagai makhluk Allah boleh menyembunyikan perbuatannya daripada Allah SWT.

Bagi dimensi beriman pada hari akhirat pula, lapan dimensi yang dianalisis melalui kajian adalah hari kiamat, Hari akhirat dan hari kebangkitan semula merujuk kepada perkara yang sama; hari akhirat ialah hari berlakunya kejadian seluruh alam akan dibinasakan; semua orang mati akan dibangkitkan

pada hari kiamat; semua perbuatan manusia sewaktu di dunia akan diberi pembalasan yang setimpal pada hari kiamat; pada hari akhirat, semua anggota badan manusia akan menjadi saksi terhadap semua perbuatannya semasa di dunia; kisah tentang hari kiamat boleh diketahui melalui al-Quran; gambaran seksaan api di neraka amat menakutkan; dan orang yang beriman akan selamat daripada seksaan kubur. Dapatkan kajian turut mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam kajian ini mempunyai pengetahuan pada tahap yang sangat tinggi bagi kesemua item ini.

Tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan adalah pada tahap sangat tinggi. Ini menunjukkan objektif pembelajaran akidah untuk menyediakan pelajar yang bebar-benar memahami serta mempraktikkan asas akidah dalam kehidupan seharian bersesuaian dengan kehendak Islam telah tercapai.

Dapatkan kajian ini selaras dengan saranan Imam al-Ghazali (1995), yang menekankan konsep ilmu berkaitan sumber kecerdasan akal yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Walaupun dapatkan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatkan kajian Mohd Ramli (2003), Jodi (2006) dan Ahmad (2004) yang menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar pada tahap sederhana, namun dapatkan kajian ini selari dengan kajian Talib et al. (2018) yang mendapati tahap pengetahuan akidah pelajar Semester Satu di Politeknik Banting, Selangor adalah pada tahap yang sangat tinggi. Dapatkan kajian ini disokong oleh kajian Abd Rahman (2018) juga turut mendapati tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar SMKA di Perak pada tahap sangat tinggi.

Dapatkan kajian yang menunjukkan tahap pengetahuan akidah pada tahap yang sangat tinggi sangat mengujakan. Ini kerana, kajian ini dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3.0 sedang berkuat kuasa di seluruh negara. Usaha ini dilihat sebagai salah satu daripada langkah bijak kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID 19 di dalam negara. Secara umumnya, dari sudut perspektif akidah Islam, wabak COVID 19 adalah salah satu penyakit dan ujian yang diizinkan oleh Allah SWT kepada manusia di seluruh dunia. Ujian ini dapat mengukuhkan lagi keyakinan, ketakwaan, dan hubungan antara manusia dengan Tuhan (Abd Rahman 2020) seperti yang telah diwahyukan oleh Allah SWT di dalam Al-Quran seperti berikut;

“Tidak ada suatu musibah yang menimpa (seseorang), kecuali dengan izin Allah. Dan barangsiapa beriman kepada Allah, niscaya Allah akan memberi petunjuk kepada hatinya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.” (Al-Taghabun: 11)

Ayat ini mengingatkan dan menyedarkan manusia bahawa segala yang

berlaku di dunia ini samada baik ataupun buruk, ada zat yang Maha Berkuasa yang mengaturnya iaitu Allah SWT Oleh itu, salah satu hikmah yang tersirat di sebalik pandemik ini ialah berupaya menerbit rasa bertuhan di dalam diri manusia sekali gus memberi impak kepada pengetahuan akidah pelajar pada tahap sangat tinggi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan. Selain itu, pengetahuan akidah berkaitan konsep beriman kepada Allah SWT dan beriman kepada hari akhirat telah diajarkan, diterapkan malah kerap diulang-ulang kepada pelajar Islam di Malaysia dalam kurikulum Pendidikan Islam sepanjang mereka belajar di sekolah sejak mereka di peringkat pra sekolah lagi.

Di samping itu, pengetahuan akidah juga berperanan sebagai kapsul pencegah gejala murtad, pengetahuan akidah juga mampu menanamkan rasa kebutuhanan (God-consciousness) dalam diri remaja (Jodi et al., 2014) serta mampu membina daya tahan dalaman sebagai faktor pelindung remaja daripada terjebak dengan perilaku jenayah. Perkara ini disahkan melalui kajian Wazir et al. (2020); Ismail dan Jasmi (2016) dan Jodi (2006).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengetahuan akidah dan amalan ibadah pelajar-pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan adalah sangat tinggi. Kajian ini diharapkan memberi input berguna dan motivasi kepada institusi berkaitan dalam agenda meningkatkan pengetahuan akidah pelajar yang masih di alam persekolahan. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai agenda menyelamatkan remaja daripada terjebak dengan gejala murtad sepanjang hayat mereka.

PENGHARGAAN

Dapatan ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan yang bertajuk “Pengaruh Pengetahuan Akidah dan Amalan Ibadah Ibu Bapa Terhadap Amalan Ibadah Pelajar” yang dianugerahkan oleh Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Ucapan penghargaan ditujukan kepada pihak KPM di atas penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) ini sehingga membolehkan kajian diteruskan bagi mencapai objektif yang digariskan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

SUMBANGAN PENULIS

Melalui penyelidikan ini, MZZ dan SHM mereka bentuk kajian dan mengumpulkan literatur. MZZ menganalisis keputusan dan menulis artikel.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Baqi, Muhammad Fu’ad, Mu’jam al-Mufahras li al-Fazi alQur’a al-Karim, Dar al al-Fikr, Al-Qahirah, 1996: 81-86)
- Abd Rahman, K. A., Salleh, N. M., & Ismail, N. (2018). Kefahaman mahasiswa Muslim lembah Klang tentang konsep hak kebebasan beragama di Malaysia: The understanding of Klang valley Muslim students on the concept of religious freedom in Malaysia. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 3(1), 1-23.
- Abd Rahman, M. F. (2018) Kefahaman elemen-elemen akidah dalam bacaan asas solat dan sumbangannya terhadap penghayatan akhlak penuntut-penuntut SMKA di Perak. Tesis Master Usuluddin, Fakulti Pendidikan Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Rahman, M. R. (2020). Covid-19 Menurut Pandangan Akidah Dan Rawatan Islam: Satu Tinjauan Awal. 3rd International Seminar on Islam and Science 2020 (SAIS 2020) Covid-19: Implication, Impact and Solution. 137-155
- Abdullah, D. (2015) Tahap kefahaman akidah dan hubungannya dengan tingkah laku bermasalah disiplin pelajar di Daerah Johor Bahru. (Master dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Adil, M. A. M. (2006). Bahaya Mainkan Isu Murtad di Malaysia. *Utusan Malaysia*, 9.
- Ahmad, Y. (2004). Peranan pendidikan Islam dalam pengukuhan akidah di kalangan pelajar: kajian kes di sekolah-sekolah menengah daerah Temerloh dan Kuantan. Tesis Master, Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Al Zbon, A. M. O., & Smadi, S. M. (2017). The role of the family in the emotional growth of the adolescent in light of the Islamic education. *International Journal of adolescence and Youth*, 22(1), 78-92.
- Al-Ghazali, A.H. (1995). *Mizan al-‘amal*. Introduction. (A. A. Milhem, Trans.) Beirut: Dar wa Maktabat al-Hilal.
- Ali, M. M. (2019). Penilaian pelaksanaan kurikulum pengajaran akidah pendidikan Islam dan amalan kemahiran berfikir kritis serta analitikal di sekolah menengah (Doctoral dissertation, Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan UKM).
- Ali, M. S., & Yahya, S. R. M. (2018). [Drug Addiction Among Female Drug Addicts at Puspén Bachok, Kelantan: A Pilot Study on Appreciation of Aqidah] Ketagihan Dadah di kalangan Penagih Dadah Wanita di Puspén

- Bachok, Kelantan: Kajian Rintis Mengenai Penghayatan Aqidah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 16(1), 83-91.
- Ariffin, F.A.T (2013). Dahulu Muallaf Kini Murtad. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pembangunan Muallaf 2013 (ICMUD)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi.
- Ashaari, M. F., Yaakub, L., & Rasit, R. M. (2020). Idea Pemikiran Pluralisme Agama dalam Penulisan Buku Indie ‘Aku..., Maka Aku Ada’ dan ‘Antithesis’. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies*, 42(2): 49-59.
- Ashaari, N. N. S. B. H., Sumadi, S. N., Salleh, N. A., Ismail, N. I., Adenan, N. A. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Pergaulan Bebas dalam Kalangan Remaja Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 38-50.
- Azizan, N. I., Abd Majid, M., Mohamad, N., Usman, A. H., Haridi, N. H. M., Ismail, Z., & Rahman, A. H. A. (2022). Faktor Penglibatan Salah Laku Delinkuen dalam Kalangan Remaja: Kajian di Pusat Pemulihan: Factors Involving The Misconduct of Delinquent Adolescents in Rehabilitation Centers. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 59-74.
- Bahori, A., & Ismail, S. Z. (2017). Kehamilan luar nikah dari perspektif undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan pengawalannya melalui program pencegahan. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 2017(S).
- Bahrissy, A. (2021). Konsep Al-Birr dalam Tafsir Fi Zilal Al-Qur’an. *Jurnal Syntax Transformation*, 2(05), 572-581.
- Cheong, J. (2012). *The Socio-Religious Identity and Life of The Malay Christians of Malaysia* (Doctoral dissertation, Trinity International University).
- Daud, Z., Salleh, N. M., Haridi, N. M., & Ismail, A. M. (2016). Sikap belia terhadap pemikiran tidak beragama: The Attitudes of Youth Towards Non Religious Thinking. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 1-12.
- Dimon, Z., Azizan, N.I., Ismail, N., Mohd Effendy, N., Abd. Ghani, H., Hassan, Z., Nordin Mat Piah, N., & Zakaria, M. R. A. (2018). Pendekatan Istitabah Melalui Runding Cara Akidah Di Jabatan Mufti Selangor Dan Permasalahan Berkaitan. *4th International Conference On Islamiyyat Studies*.
- Hassim, N. (2014). Hijab and the malay-muslim woman in media. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 155(October), 428–433. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.10.317>
- Ibn Hisham, Abu Muhammad‘ Abd al-Malik. (1955). *Al-Sirah al-nabawiyah*. Kaherah: Matba‘ah Mustafa Bab al-Halabi.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (2021). *Statistik penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks Malaysia Bagi Tahun 2016-2020*.

- Ismail, A. M. (2009). Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, A. M., & Jasmi, K. A. (2016). Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam. Penerbit: Universiti Teknologi Malaysia. ISBN: 978-983-52-1215-4.
- Ismail, I., & Hassan, A. M. H. (2021). Pemikiran Sisters in Islam dan Hak Asasi Manusia (Sisters in Islam's Thought and Human Rights). *Akademika*, 91(1).
- Ismail, N. (2015) Pengajaran dan pembelajaran akidah di pondok Pasir Tumboh, Kelantan. Tesis Master Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail, N., Zanariah Dimon, Azizan, N. I., Mohd Effendy, N., Abd. Ghani, H., Hassan, Z., Mat Piah, N., & Mohd Ramizu Abdullah @ Zakaria, M.R.A. (2018). Penggunaan Modul Istitabah Dalam Mengendalikan Kesalahan Akidah Di Selangor. 4th International Conference On Islamiyyat Studies.
- Ismail, S. Z. (2018, March 9) Selaras undang-undang kes murtad. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/03/397411/selaras-undang-undang-kes-murtad>
- Izani, I., & Yahya, D. (2014). Kepimpinan servant dan pengaruhnya terhadap pengurusan perubahan di sekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 39(1):19–26.
- Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. (2021). Statistik Kes Permohonan Pengisytiharan Status Agama Di Negeri Sembilan Dari Tahun 2010-2020.
- Jamaluddin, M.F. & Majid, L.A. (2013). The perception on liberal Islam thoughts among Islamic studies students in IPTS. *Jurnal Hadhari: An International Journal* 5(1): 1-19.
- Jodi, K. H. M. (2006). Masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah di kalangan pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) cawangan Kuala Lumpur (Doctoral dissertation, Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Jodi, K. H. M., Azizi Umar, A. & Syed Othman, S. M. S. (2014). Pemansuhan subjek pengajian Islam di IPTS: Satu kajian dari perspektif tenaga pengajar. *PROSIDING Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (WPI10)*: 79-85.
- Kasim, A. Y. (2011). Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) pengajaran akidah guru cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam KalanganMualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM: Teaching of Islamic Faith (Akidah) among New Converted Muslim in Islamic Propagation Institute (PERKIM). *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan*

- Kemanusiaan, 9(3), 89-100.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and psychological measurement*, 30(3), 607-610.
- Lafzi Pencarian Lafaz Quran. <http://lafzi.apps.cs.ipb.ac.id/>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). 2021. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-kependudukan/656-remaja-di-malaysia>
- Majlis Agama Islam Selangor. (2014). Pendedahan Agenda Kristian.
- Mohamed, B., & Sciupac, E. P. (2018). The share of Americans who leave Islam is offset by those who become Muslim. *Pew Research Center*, 26(01).
- Mohd Hussain, M. Z, Jima'ain, M.T.A., Ahmad Ezzuddin Mohamad, A. E. & Muhammad Fa'aizal, M. F. A. (2019). Karakteristik belia Islam menuju Revolusi Industri 4.0. *Proceedings of the Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6th ISPC 2019)*.
- Mohd Mansor, S. K., Abd Rahim, S. I., & Zainal, N. H. (2021). Kajian tahap penghayatan solat fardu dan faktor pelaksanaannya dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*, 7(2), 79-98.
- Mohd Ramli, A. R. (2003). Pemahaman tentang Hari Kiamat di kalangan remaja di Sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- Mohd Ramli, A. R. (2003). Pemahaman tentang Hari Kiamat di kalangan remaja di Sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis (Master dissertation, University of Malaya).
- Mohd Salleh, N. (2015) Penghayatan Akidah, Ketenangan Hati Dan Ketenangan Rohani Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia. Tesis PhD Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Salleh, N., Mohd Haridi, N. H., Ismail, A. M., & Mohd Noor, M. S. (2021). Modus Operandi Gerakan Liberalisme di Malaysia: The Modus Operandi of Liberalism Movement in Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2), 96-103. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.28>
- Muhammad, R. W. (2017). Counseling the apostates in Selangor: An overview. *MOJPC: Malaysia Online Journal of Psychology & Counselling*, 3(1), 1-13.
- Muhammad, S., Haji Siren, N., & Md Yusoff, Y. (2018). Faktor Permohonan Isytihar Murtad dalam Kalangan Mualaf di Selangor. *Jurnal Usuluddin*, 46(2), 123-146. <https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol46no2.5>
- Musa, N. A., & Shah, H. A. R. (2020). Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam di Media Sosial dari Perspektif Undang-Undang dan Syariah di Malaysia. *Perdana International Journal of Academic Research*.
- Noor Shahedah Johari, N.S. (2019). Masalah akhlak dan hubungannya dengan

- kefahaman akidah: kajian terhadap pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Jeli, Kelantan Tesis sarjana Usuluddin, UM.
- Othman, M. S. (2019) Pelaksanaan komposisi pengajaran Guru Pendidikan Islam yang mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam bidang akidah sekolah rendah di Malaysia. *Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Konsep Pengajaran Akidah Kepada Kanak-kanak Menurut Al-Quran dan Imam Ghazali Berasaskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *AL-ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 10: 83–93.
- Pa'ad, N. S., Kassim, S. B. M., & Rahman, Z. A. (2020). Pendekatan dan Pengaplikasian Motivasi Agama dalam Modul Pembangunan Diri Remaja: Kajian terhadap Program Motivasi Alihan Pelajar (MAP). *Islamiyyat*, 42(2), 137-146.
- Raosoft. 2004. Sample Size Calculator by Raosoft, Inc. Sample size <http://www.raosoft.com/samplesize.html>.
- Sektor Perancangan dan Pengoperasian Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2021). Jumlah murid yang melakukan salah laku disiplin mengikut daerah di Negeri Sembilan bagi tahun 2017-2020.
- Shaffie, F., & Md Ali, R. (2009). Profil remaja berisiko tinggi. Universiti Utara Malaysia, Sintok. ISBN 9789675311147.
- Sham, F. M. (2018). Gen Z Dan Isu Perpaduan. Buku Prosiding International Colloquium on Integration Platform: Binding Differences and Diversity: Akal Budi Alam Melayu (ICIP2018). Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Sham, F. M., & Abdullah, M. H. (2020). Generation Z and the Level of Islamic Akhlaq Practices.)
- Talib, N. H. F., Abd Halim, A. H., & Mohd Shafie, B. H. (2018). Tahap pengetahuan pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester 1, satu kajian di Politeknik Banting Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.
- Tapscott, D. (2010). Grown up digital. How the next generation is changing your world. *International Journal of Market Research*, 52(1), 139.
- Tharshini, N. K., & Fauziah, I. (2018). Analisis trend bagi pesalah muda yang telah menjalani hukuman perintah khidmat masyarakat di Malaysia. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32, 114-124.
- Wazir, R., Usman, A. H., Salleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. (2020). Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah: Drug prevention among at-risk youth through element of aqidah comprehension. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(2), 415-424.
- Yaacob, M. F. B. C., & Hanafiah, M. N. A. H. M. (2020). Faktor Dan Kesan

Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu*.

Yusof, F. M., Rosman, A. S., Suratman, A. S., Ripin, M. N., & Ruskam, A. (2012). Faktor dan Cabaran Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Malaysia. *Sains Humanika*, 59(1).

Zain, Fadilah. (2013). *Gejala Murtad Di Negeri Johor 1930 Hingga 1962*. (Doctoral dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Zakiyuddin, M. Z. F. Social media and effects on interpersonal skills: An empirical Investigation on Teenagers from Malaysia. *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM)* 23(4): 14-23.